

Jenis Akhbar : Utusan Online
Tarikh : 02/03/2018
Edisi / Muka Surat : www.utusan.com

MyAngkasa perkenal program Emas



FATTAH Abdullah (dua dari kiri) bertukar dokumen dengan Pengarah Bukan Eksekutif TA Investment Sdn.Bhd (MHSB), Datin Tan Kuay Fong (dia dari kanan) selepas memeterai perjanjian persefahaman antara MHSB dengan TA Investment di sini hari ini. - UTUSAN ONLINE

KUALA LUMPUR 2 Mac - MyAngkasa Holdings Sdn. Bhd. (MHSB) anak syarikat Angkatan Koperasi Kebangsaan (Angkasa) memeterai perjanjian persefahaman bersama dengan TA Investment bagi melaksanakan program Eksklusif Manfaat Perubatan Pesara (Emas) yang dijangka bermula Mei tahun ini.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sejak beberapa bulan lalu, MyAngkasa dan TA Investment telah bekerjasama dalam penyediaan program manfaat perubatan dan penjagaan kesihatan khusus untuk anggota koperasi serta mereka yang menghampiri usia persaraan antara 60 hingga 80 tahun.

“Program perintis yang berkonsepkan Takaful yang ditawarkan ini terbuka kepada semua ahli koperasi yang bebas memilih untuk menyumbang dengan cara berbeza melalui mekanisme pembayaran secara bulanan, tahunan atau pembayaran tunggal kurang dari RM2,000.

“Emas diwujudkan bagi menyahut seruan kerajaan agar sektor swasta termasuk koperasi berperanan meningkatkan mutu perkhidmatan penjagaan kesihatan pada kos yang berpatutan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara MHSB dan TA Investment Berhad berkenaan Pelan Perlindungan Perubatan untuk warga Pesara di sini hari ini.

UTUSAN ONLINE